



LENSA ALUMNI UNISZA

alumni.unisza.edu.my     AlumniUniZA

TERBITAN BULANAN PUSAT ALUMNI UNISZA

**FEBRUARI
2023**



Kerjasama Antara

UNISZA & JAKIM

» Berita Penuh
MUKA SURAT 1



UnisZA &
YADIM

» MS2



X UNISZA FC
VS BANGI CITY FC

» MS6



Dapatkan
Merchandise Eksklusif Alumni UnisZA
» MS8

Trace@
Kluster Perbankan &
Takaful
» MS3



KERJASAMA ANTARA **UniSZA & JAKIM**

YBhg. Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff, Timbalan Naib Canselor (HEPA) mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimie pada 17 Februari 2023 di Kompleks Islam Putrajaya. Turut serta dalam kunjungan hormat tersebut adalah Tuan Syed Mohd Azmi bin Syed Ab Rahman, (Pengarah Pusat Alumni), Encik Mohd Sayuti bin Yahya (Pengarah Pusat Islam), Encik Cairul Anwar bin Mohamed (Timbalan Pengarah Pusat Alumni) dan Encik Mazlan bin Mohmmad (Ketua Penolong Pendaftar PTNC, HEPA). Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan program kerjasama antara UniSZA dan JAKIM dalam penganjuran program-program pelajar dan UniSZA.

#AlumniMenyumbang



YADIM

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA



Tanggal 17 Februari 2023, Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff, Timbalan Naib Canselor HEPA telah melakukan kunjungan hormat ke Pejabat YBrS. Tuan Haji Zamri bin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bertempat di Kompleks Islam, Putrajaya. Turut sama dalam kunjungan hormat ini adalah Tuan Syed Mohd Azmi Ab Rahman, (Pengarah Pusat Alumni), Encik Mohd Sayuti bin Yahya, (Pengarah Pusat Islam), Encik Cairul Anwar bin Mohamed (Timbalan Pengarah Pusat Alumni) dan Encik Mazlan bin Mohammad (Ketua Penolong Pendaftar PTNC, HEPA). Dalam kunjung hormat ini, Timbalan Naib Canselor (HEPA) telah membentangkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan pelajar UniZA dan juga unit Hal Ehwal Pelajar. Hasil daripada perbincangan tersebut, beberapa aktiviti telah dipersetujui untuk dianjurkan bersama-sama UniZA dan YADIM. #AlumniBerjasa



TRAcE

@Kluster Perbankan & Takaful



TRACE@KLUSTER PERBANKAN DAN TAKAFUL telah dianjurkan pada 12 Februari 2023 bertempat di Kafe Alumni, UniSZA. TRACE dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan interaksi berkesan antara Pusat Alumni dengan alumni, dan antara alumni sesama alumni berasaskan 'kluster' tertentu. Di dalam majlis ini juga, seramai 20 orang alumni telah mendaftarkan profil masing-masing di dalam i-Alumni. #IstiqamahBersilaturahmi





HERO KOMUNITI

MAJLIS TAKLIMAT HALA TUJU HEPA 2023: PELAN STRATEGIK UniSZA (HERO KOMUNITI) telah diadakan pada 14 Februari 2023 bertempat di Dewan Resital, Pusat Kesenian dan Warisan. Program yang dihadiri oleh semua keluarga HEPA telah diberi penerangan oleh YBhg. Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff, Timbalan Naib Canselor (HEPA) berkaitan dengan Strategi Teras ke 5 Pelan Strategik UniSZA iaitu Hero Komuniti.





BENGGKEL PELAN TINDAKAN HEPA 2023

telah diadakan pada 23 hingga 25 Februari 2023, bertempat di Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong. Seramai 42 peserta yang mewakili Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dan Ketua Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan TNC HEPA telah menghadiri bengkel ini. Selain untuk meningkatkan semangat kerjasama, bengkel ini bertujuan untuk merancang aktiviti-aktiviti untuk tahun 2023. Strategi Teras ke 5 Pelan Strategik UniSZA iaitu Hero Komuniti dijadikan rujukan utama peserta bengkel dalam merancang aktiviti 2023.



X UNISZA FC VS BANGI CITY FC



Penutup kepada aktiviti bulan Februari ialah perlawanan persahabatan bola sepak antara X UniSZA FC dengan pasukan Bangi City FC di Arena Azman Hashim UKM, Bangi, Selangor. Seramai 20 orang alumni KUSZA/UDM/UniSZA yang berada di sekitar Lembah Klang menyertai aktiviti yang julung kali dianjurkan oleh Kelab ini. Perlawanan ini berkesudahan dengan pasukan X UniSZA FC tewas 4-6 kepada Bangi City FC. Tahniah X UniSZA FC di atas inisiatif yang bermakna ini.



#Istiqamah Bersilaturahmi





LENSA ALUMNI UnisZA
 alumni.unisza.edu.my | #AlumniUnisZA | #IstiqamahBersilaturahmi
FEBRUARI 2023
 TERBITAN BULANAN PUSAT ALUMNI UnisZA

FORUM ALUMNI BERTAJUK:
APLIKASI ISRAK MIKRAJ DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

PANEL 1
USTAZ AZMI AHMAD
 Pengerusi Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah

PANEL 2
DR. MOHD RAZI YAHYA
 Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar, MPPS/KKCI/CI/TA, BERS

MODERATOR
DR. MOHD ZAMRO MUDA
 Timbalan Dekan (Prostawazah) Fakulti Pengajian Islam, UKM

2 MAC 2023 | KHAMIS | 9.15 PM

LIVE ALUMNI UnisZA

#AlumniBerjasa #AlumniKUSZAUMUnisZA #IstiqamahBersilaturahmi
 AlumniUnisZA alumni.unisza.edu.my

ANJURAN BERSAMA: PERSATUAN ALUMNI UnisZA DAN PUSAT ALUMNI UnisZA

Sekalung Tahniiah

Diucapkan kepada
YH. DATO' HAJI BADLI SHAH BIN HAJI ALAUDDIN
 Alumni UnisZA

atas pelantikan sebagai
SAHIBUL FADHILAH TIMBALAN MUFTI NEGERI PAHANG

Melhas daripada:
 PUSAT ALUMNI UnisZA & KELUARGA ALUMNI UnisZA

#AlumniBerjasa #AlumniKUSZAUMUnisZA #IstiqamahBersilaturahmi
 AlumniUnisZA alumni.unisza.edu.my

Sekalung Tahniiah

Diucapkan kepada
YBHG TUAN HAJI SHAFRUDDIN BIN ALI HUSSIN

atas pelantikan sebagai
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Melhas daripada:
 PUSAT ALUMNI UnisZA & KELUARGA ALUMNI UnisZA

#AlumniBerjasa #AlumniKUSZAUMUnisZA #IstiqamahBersilaturahmi
 AlumniUnisZA alumni.unisza.edu.my

Sekalung Tahniiah

Diucapkan kepada
YBRS. TN. HJ ZAMRI ZAINAL ABIDIN
 Alumni Fakulti Kontemporari Islam UnisZA

atas pelantikan sebagai
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)

berkuat kuasa mulai
15 FEBRUARI 2023

Melhas daripada:
 PUSAT ALUMNI UnisZA & KELUARGA ALUMNI UnisZA

#AlumniBerjasa #AlumniKUSZAUMUnisZA #IstiqamahBersilaturahmi
 AlumniUnisZA alumni.unisza.edu.my

LIGA PENALTI PUSAT ALUMNI

18 MAC 2023 - SABTU
8.30 PAGI
GELANGGANG FUTSAL UnisZA KAMPUS GONG BADAQ

INMAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN
TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: 11 MAC 2023

YURAN PENDAFTARAN: RM 50
SILA TRANSFER KEPADA AKALIN: BANK ISLAM BENDAHARI UnisZA 1301 7010 082 394
 Rujukan: PENALTI ALUMNI

KUMPULAN PEMENANG AKAN MEMBAWA PULANG:

- JUARA RM 500 + MEDAL**
- NAIB JUARA RM 300 + MEDAL**
- TEMPAT KETIGA RM 150 + MEDAL**
- SAGUHATI (TEMPAT KE-4 HINGGA KE-9) RM 100**

Sistem Penjurian:
 1. Penjurian terbuka kepada semua Alumni KUSZA, UDM dan UnisZA sahaja.
 2. Minima 3 orang pemain & maksimum 5 orang pemain dalam satu pasukan.
 3. Alumni dibenarkan untuk bercampur berteman "botak" pengambilan dalam satu pasukan.
 4. Penjurian adalah terbuka. Pasukan yang telah menjalankan yuran penjurian adalah diberikan keutamaan.
 5. Setiap Alumni dibenarkan untuk bermain bagi satu (1) pasukan sahaja.
 6. Alumni yang sedang bekerja di UnisZA dibenarkan untuk turut serta menyertai dalam pertandingan.
 7. Alumni (Diploma) yang sedang menyambung pelajaran (Sarjana Muda) di UnisZA juga dibenarkan untuk menyertai pertandingan.
 8. 5 Kali Sepakan bagi setiap perlawanan.
 9. Tidak dibenarkan pemain "import" dalam pasukan. Nota: Import (Bukan Alumni KUSZA,UDM,UnisZA)

Maklumat lanjut, sila hubungi: 013-2748 693 (Hafiz) / 011-6970 7344 (Mirul) / 011-1298 9175 (Aisyah)

Anjuran: Pusat Alumni UnisZA Dengan kerjasama: Pusat Selok UnisZA
 AlumniUnisZA alumni.unisza.edu.my

ALUMNI UnISZA MERCHANDISE



RM 5

Car sticker
Alumni UnISZA



RM 2

Roadtax sticker



RM 12

Dedicated
Image Frame



RM 42

T-shirt sublimation



RM 38

T-shirt collar lacoste



RM 18

Cap Alumni
UnISZA



RM 22

Mafia
Alumni UnISZA



SISWA KITS

Lanyard + Clear Card Holder
+ Face Mask

RM 18



ALUMNI KOMBO

Epoxy keychain +
road tax sticker + fridge magnet

RM 10

Pembelian boleh dilakukan di:
Alumni Souq Pusat Alumni

'STAY CONNECTED' 'ISTIQAMAH BERSILATURAHIM'

    AlumniUniSZA

 alumni.unisza.edu.my



يونيورسيتي دارالايماح
UNIVERSITI DARUL IMAN
MALAYSIA



uniSZA



يونيورسيتي سلطان زين العابدين
uniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

#IstiqamahBersilaturahim
#AlumniKUSZAUDMUniSZA
#TimeToGiveBack



Salam
Ramadhan
1444H

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH BERPUASA
DI BULAN RAMADHAN YANG MULIA INI

Alllah Daripada
Pusat Alumni UniSZA

